

TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UniMAP
SEMPENA SIDANG KETIGA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-13
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA
PADA 28 OKTOBER 2018, JAM 09.00 PAGI

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

"Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju"
serta - *"Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP"*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya juga, maka dapatlah kita bersama-sama pada pagi yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dan anda semua diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima Ijazah masing-masing.

Setinggi tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, waris, penjaga dan seisi keluarga yang telah memberikan sepenuh dorongan dan perhatian kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Kajian yang telah dijalankan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa menunjukkan bahawa Malaysia merupakan antara negara-negara yang mencatatkan jumlah 'warga digital' yang tertinggi di dunia dan sebahagian besarnya adalah daripada golongan belia atau remaja.

Kesan revolusi teknologi digital ini secara tidak langsung merubah daripada segi kecerdasan interpersonal seseorang, iaitu apa yang dimaksudkan di sini ialah hubungan sesama manusia dan membuatkan generasi masa kini kurang menguasai kemahiran interpersonal dengan orang lain di sekeliling mereka.

Rosa Sancho Tajero (2000) dalam kajiannya yang bertajuk "*Working Together To Build Competitive*" yang dijalankan terhadap 10 buah syarikat di Eropah telah mengenalpasti 3 jenis kemahiran yang diperlukan oleh majikan iaitu Kemahiran Kemanusiaan, Konseptual dan Teknikal.

Jurang paling besar yang perlu dipenuhi ialah kemahiran kemanusiaan. Ini bermaksud para pekerja masih belum mencapai tahap kemahiran kemanusiaan seperti yang dikehendaki oleh syarikat manakala kemahiran teknikal pula mempunyai jurang paling kecil untuk dipenuhi. Dalam lain perkataan, pekerja diakui hebat dalam kemahiran teknikal tetapi gagal dalam kemahiran komunikasi mereka.

Inilah sebenarnya di antara cabaran yang bakal dihadapi oleh para graduan kelak. Anda telahpun dibekalkan dengan kemahiran teknikal sepanjang tempoh pengajian anda di UniMAP tetapi bagaimanakah pula untuk anda menguasai kemahiran kemanusiaan yang pada masa sama harus bersaing dengan perkembangan digital dan media sosial.

Justeru, kita harus sentiasa berwaspada dan beringat bahawa penggunaan kemudahan media sosial dan digital yang tidak terkawal hari ini akan mengakibatkan generasi muda kita malah graduan sendiri juga akan mulai melupakan kepentingan dalam aspek berinteraksi dengan orang lain dan akan wujudnya sikap seperti '*introvert*' yang boleh menyumbang terhadap kegagalan khususnya di alam pekerjaan.

Hadirin sekalian,

Para graduan juga harus menjauhkan diri daripada sikap terlalu 'melihat' terhadap aspek kebendaan semata-mata kerana ia merupakan perkara yang harus dilakukan. Adakalanya sikap ini jika tidak mampu dikawal boleh membawa kepada tingkah laku negatif serta terjerumus dalam jenayah kolar putih seperti pecah amanah, rasuah, salah guna kuasa, penipuan dan pilih kasih yang seharusnya dijauhi oleh seorang pekerja yang berjaya.

Justeru itu, nasihat ikhlas Saya kepada anda semua supaya jadilah seorang graduan yang cemerlang dengan pelbagai ilmunya, berfikiran matang serta tahu menentukan yang baik dan buruk. Sesungguhnya, "*Matlamat itu tidak akan pernah menghalalkan cara*". Oleh itu, berdirilah di atas paksi keupayaan diri sendiri dan bersikap jujurlah dalam melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, terima kasih kepada Pengurus serta semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, seluruh warga UniMAP dan semua pihak yang menjayakan Istiadat Konvokesyen kali ini.

Saya dan Tuanku Pro Canselor sentiasa berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan sekalian hadirin ketika pulang ke destinasi asal masing-masing, InsyaAllah.

*Tumbuh merimbun si pohon sena,
Biar merimbun tumbangnya jangan,
Graduan generasi penyuluh wahana,
Teras landasan agenda perpaduan.*

*Mangga muda dibuat kerabu,
Dicampur pula santan kelapa,
Keringat si bapa kasih si ibu,
Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menangguhkan 'Sidang Ketiga Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13 UniMAP, Tahun 2018'.

Wabilahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.